



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

**SEMBAHYANG SUNAT ISTISQA':  
Jalan Terbaik Untuk Memohon Hujan  
(Bilangan Kedua)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas  
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

**Tempat mengerjakan sembahyang sunat Istisqa'**

Sunat mengerjakan sembahyang sunat Istisqa' di tanah lapang apabila tidak ada keuzuran. Ini kerana mengikut perbuatan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebab-sebab lain mengapa ia dikerjakan di tanah lapang ialah kerana memandangkan pada kebiasaannya jemaah yang ramai sehingga masjid tidak dapat menampunginya. Demikian juga, kerana ketika sembahyang sunat Istisqa' itu, anak kecil, perempuan haid dan binatang digalakkan hadir, sedangkan mereka tidak digalakkan untuk hadir ke masjid.

**Adab-adab yang dituntut sebelum sembahyang sunat Istisqa'**

- (i) Sunat bagi pemerintah atau penolongnya menyuruh orang ramai untuk;
  - (a) Berpuasa selama empat hari berturut-turut iaitu tiga hari sebelum keluar ke tanah lapang dan sehari ketika pergi ke tanah lapang pada hari keempat.
  - (b) Bertaubat daripada segala dosa.

- (c) Mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan berbuat kebajikan seperti bersedekah.
  - (d) Keluar daripada perbuatan zalim seperti mengembalikan hak orang yang dizalimi.
- (ii) Sunat dibawa bersama ke tanah lapang anak kecil, kanak-kanak, orang tua, orang yang lemah, binatang ternakan dan perempuan yang tidak menarik perhatian.
  - (iii) Sunat membersihkan diri seperti bersiwak dan mandi serta memakai pakaian biasa tanpa berhias, memakai wangian, bercantik-cantik atau berhias-hias.
  - (iv) Sunat ketika pergi ke tanah lapang dengan keadaan khusyuk, merendah diri dan hati tetap kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tatkala berjalan, duduk dan bercakap.
  - (v) Sunat berjalan kaki ketika pergi ke tanah lapang dan mengikut jalan yang berbeza atau jalan yang lain ketika balik daripada tanah lapang.
  - (vi) Mengurangkan makan dan minum pada malam hendak mengerjakan sembahyang sunat Istisqa'.
  - (vii) Sunat menyeru jemaah untuk mengerjakan sembahyang sunat Istisqa' dengan seruan (                      ).

### **Wajib melaksanakan suruhan pemerintah**

Apabila pemerintah menyuruh untuk melaksanakan sembahyang sunat Istisqa', puasa, sedekah, keluar ke tanah lapang, mengembalikan hak orang yang dizalimi dan bertaubat, maka wajiblah ditaati perintah itu. Ini kerana suruhan dan larangan pemerintah wajib ditaati selama tidak bertentangan dengan syara'.

## **Wajib berniat fardhu sembahyang sunat Istisqa' apabila diperintahkan**

Apabila sembahyang sunat Istisqa' merupakan suruhan daripada pemerintah maka sembahyang sunat Istisqa' wajib diniatkan fardhu dan dita'yinkan iaitu diniatkan fardhu dan diniatkan sembahyang kerana Istisqa'.

## **Wajib berniat puasa pada malam hendak sembahyang sunat Istisqa' apabila diperintahkan**

Demikian juga dengan puasa, apabila puasa merupakan suruhan daripada pemerintah maka wajib berniat di waktu malam (seperti kewajipan berniat puasa Ramadhan) dan dita'yinkan iaitu diniatkan fardhu dan diniatkan puasa kerana Istisqa'. Jika tidak berniat di waktu malam maka menjadilah puasanya itu puasa sunat mutlak sahaja dan jika tidak berpuasa seperti yang diperintahkan maka tidak wajib diqadha.

## **Wajib bersedekah apabila diperintahkan**

Jika disuruh oleh pemerintah untuk bersedekah, maka wajib bagi mereka yang ada kemampuan (mereka yang dituntut membayar zakat fitrah) bersedekah dengan sedikit harta. Adapun jika ditentukan kadarnya seperti zakat fitrah atau kurang daripada itu, maka dibayar mengikut kadar yang ditentukan itu. Demikian juga, jika ditentukan kadarnya seperti bayaran *kaffarah* maka dibayar mengikut kadar yang ditentukan, itupun jika ada kelebihan hartanya daripada sepanjang umur *ghalibnya*.

## **Kaifiat sembahyang sunat Istisqa'**

Sembahyang sunat Istisqa' adalah sembahyang dua raka'at yang sangat dituntut dan ia sunat dikerjakan dengan berjemaah. Kaifiat atau cara mengerjakannya adalah sama dengan sembahyang sunat Hari Raya.

Lafaz niatnya:

/

**Ertinya:** “*Sahaja aku sembahyang sunat Istisqa’ dua rakaat menjadi imam/makmum kerana Allah Ta’ala.*”

Pada rakaat pertama sesudah membaca doa *iftitah*, sunat mengangkat tangan dan melafazkan takbir (*at-takbirat az-za’idah*) sebanyak tujuh kali. Pada rakaat kedua pula sebelum membaca *at-ta’awwuz* ( ), sunat bertakbir sebanyak lima kali (macam takbir sembahyang sunat Hari Raya).

Kemudian sunat diselangi setiap takbir *az-za’idah* itu dengan mengucapkan zikir ( ).

Selepas bertakbir *az-za’idah* sebanyak tujuh kali pada rakaat pertama dan lima kali pada rakaat kedua baharulah membaca *at-ta’awwuz* dan surah al-Fatihah pada setiap rakaat itu. Kemudian diikuti dengan membaca surah-surah al-Qur’an. Pada rakaat pertama afdhal dibaca surah Qaf dan rakaat kedua surah al-Qamar dengan suara yang nyaring (*jahr*). Ataupun pada rakaat pertama dibaca surah al-A’ala dan rakaat kedua surah al-Ghasyiyah.

Ada juga yang berpendapat bahawa pada rakaat kedua sunat dibaca surah Nuh disebabkan ia lebih bersesuaian dengan keadaan kerana ia mengandungi *istighfar* dan turun hujan. Namun disebutkan dalam kitab al-Majmu’, bahawa adalah afdhal dibaca surah-surah itu sebagaimana dibaca pada sembahyang sunat Hari Raya iaitu pada rakaat pertama dibaca surah Qaf dan rakaat kedua surah al-Qamar.

*bersambung*